

IKLAN JAWATAN KOSONG



SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) yang ditubuhkan melalui Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 adalah merupakan sebuah Institusi Hak Asasi Manusia Kebangsaan (NHRI) yang dipertanggungjawab untuk memupuk kesedaran dan melindungi hak asasi manusia di Malaysia. SUHAKAM ingin mempelawa warganegara Malaysia yang berinovatif, berdedikasi dan berkelayakan untuk mengisi jawatan berikut:

- Jawatan : **SETIAUSAHA SUHAKAM (KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF) – GRED VU7**
- Tangga gaji : Gaji Pokok dan Elaun Tetap Bulanan = RM12,976.00
- Taraf Jawatan : Kontrak
- Tanggungjawab : Setiausaha adalah bertanggungjawab terhadap keseluruhan hal ehwal pentadbiran SUHAKAM, memastikan halatuju SUHAKAM selari dengan dasar dan Pelan Strategik yang diputuskan oleh Suruhanjaya, memantau dan mengkoordinasi semua program dan aktiviti SUHAKAM dalam mempromosi dan melindungi Hak Asasi Manusia di Malaysia, selaras dengan mandat yang terkandung di dalam Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999.
- Kelayakan :
i. Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian atau Ijazah Sarjana, sebaiknya dalam bidang Pengurusan atau Pentadbiran atau Kewangan atau kelayakan yang setaraf dengannya dari Universiti yang diiktiraf oleh Suruhanjaya.
ii. Mempunyai sekurang-kurangnya 15 tahun pengalaman dalam bidang Pengurusan, Pentadbiran & Kewangan.
iii. Mempunyai kemahiran dalam penulisan laporan dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris dan fasih bertutur dalam kedua-dua bahasa tersebut.

- iv. Mempunyai kebolehan dan kepakaran dalam memimpin, membimbing dan menasihati secara profesional dalam hal-hal berkaitan tugas.
- v. Mempunyai tahap profesionalisme yang tinggi dan, mempunyai kemahiran/pengetahuan dalam bidang Hak Asasi Manusia.
- vi. Mempunyai kemahiran pengurusan kewangan serta penyediaan bajet mengikut proses dan prosedur kewangan kerajaan.

CARA MEMOHON

Calon-calon yang berminat boleh mengemukakan surat permohonan yang mengandungi maklumat diri beserta salinan sijil-sijil akademik dan salinan Kad Pengenalan yang telah disahkan, sekurang-kurangnya satu (1) rujukan majikan dan sekeping gambar berukuran pasport (tidak dikembalikan) **sebelum atau pada 31 Mac 2022 (Jumaat)** kepada:

**Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia
Tingkat 11, Menara TH Perdana,
1001 Jalan Sultan Ismail 50250 Kuala Lumpur.
Laman Web: www.suhakam.org.my
(Untuk Perhatian: Unit Pengurusan Sumber Manusia)**

Sila nyatakan jawatan yang dipohon di sebelah penjuru kiri sampul surat. Hanya calon yang mengemukakan CV serta sijil yang lengkap akan dipertimbangkan.

Untuk sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi Puan Nurulhidayati Masdim di talian 03-2612 5600.